

# Pesuruhjaya Kanak-Kanak dilantik tangani kes dera

BH - 19/1/2023 m/s: 3

## Kerajaan turut teliti syor tambah jumlah Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah, Sarawak


Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Seorang Pesuruhjaya Kanak-Kanak dilantik menganggotai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) berkuat kuasa serta-merta bagi menangani masalah penderaan dan sosial membatikan kanak-kanak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pelantikan pesuruhjaya itu adalah sebagai cabang khas yang mempunyai autonomi di bawah SUHAKAM.

“Kita sudah putuskan, maknanya kena wujud segera. Nama (pesuruhjaya) diumumkan tetapi saya minta supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berikan secara cerakin,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Sebelum ini, Azalina dilaporkan berkata kerajaan komited dalam penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak sebagai badan be-



Anwar pada sidang media di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Yang turut hadir, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Ahmad Zahid; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

(Foto Aswadi Alias/BH)

bas yang dapat memantau dan memelihara hak kanak-kanak di Malaysia.

Bagaimanapun, beliau memaklumkan penubuhan suruhanjaya itu memerlukan pandangan pelbagai pemegang taruh dan juga pengubalan akta baharu.

### Teliti semua masalah

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, beliau melantik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk mempengerusikan satu jawatankuasa sosial bagi meneliti masalah berkaitan kanak-kanak.

Beliau berkata, jawatankuasa sosial itu juga akan meneliti semua masalah di bawah bidang kuasa Menteri Pemba-

ngunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Dalam perkembangan lain, Anwar turut mengesyorkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk terbahit dalam institusi badan antarabangsa, The Global Operational Network of Anti-Corruption Law Enforcement Authorities (Globe Network) dalam usaha memperkasakan agensi itu.

“Kita ingin angkat peranan SPRM, jadi kita anjurkan mereka terbahit dalam Globe Network supaya pendedahan itu dapat memperkuatkan mereka,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang meneliti cadangan menambah bilangan Hakim Mahkamah

Tinggi di Sabah dan Sarawak berikutan peningkatan kes di kedua-dua wilayah itu.

Katanya, mengikut peruntukan Perlembagaan, proses pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi untuk Sabah dan Sarawak perlu dirujuk kepada Yang Dipertua Negeri masing-masing sebelum dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Ketika ini ada 10 hakim Mahkamah Tinggi berkhidmat di Sabah dan Sarawak, iaitu masing-masing lima di setiap negeri.

Anwar juga berkata, mesyuarat turut bersetuju supaya kerajaan melihat kedudukan bangunan mahkamah di Sabah dan Sarawak yang dikesan agak daif.